

PENJELASAN KENYATAAN AKHBAR MENGENAI KURSUS BTN UNTUK GURU (BARU) LANTIKAN PERTAMA

Pihak KPPK ingin memaklumkan bahawa berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2005 Perenggan 4 menyatakan Pegawai yang disyaratkan mengikuti Kursus / Modul Kenegaraan adalah :

- a) Pegawai lantikan pertama dalam perkhidmatan awam yang belum disahkan perkhidmatanya; atau
- b) Pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan tetapi tempoh perkhidmatannya adalah kurang daripada tiga (3) tahun pada 1 Januari 2005 dan belum mengikuti Kursus Kenegaraan.

Di perenggan 5 pula menyatakan Integrasi Modul Kenegaraan dalam Kursus Induksi boleh dilaksanakan secara berturutan seperti berikut:

- a) Modul Kenegaraan – Induksi Umum – Induksi Khusus; atau
- b) Modul Induksi Khusus – Induksi Umum – Modul Kenegaraan; atau
- c) Modul Induksi Umum – Modul Kenegaraan – Induksi Khusus

Oleh itu, semua guru-guru baru mesti lulus Kursus BTN untuk membolehkan mereka disahkan dalam jawatan. Manakala bagi anjakan gaji guru lantikan kali pertama juga wajib lulus kursus BTN untuk melayakkan diri menikmati anjakan gaji.

Kini terdapat sekumpulan guru-guru baru tidak dapat disahkan dalam jawatan dan tidak dapat menikmati anjakan gaji kerana belum menghadiri Kursus BTN.

KPPK dimaklumkan Kursus BTN untuk guru-guru baru kemungkinan tidak dapat diadakan kerana masalah peruntukkan terhad.